

12/04/2000

Keputusan kini terletak di tangan Ku Li

Kadir Dikoh

TENGGU Razaleigh Hamzah sekali lagi mencuri tumpuan ketika mesyuarat perwakilan Umno bahagian hampir sampai ke penghujungnya. Bahagian ke-165 dan terakhir iaitu Umno Bandar Tun Razak akan bermesyuarat Jumaat ini selepas 164 bahagian lain selesai mengadakan mesyuarat sehingga Ahad lalu sejak bermula 2 Mac.

Tumpuan kali ini ialah sama ada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan itu menerima atau menolak pencalonan untuk bertanding jawatan Naib Presiden pada pemilihan pucuk pimpinan tertinggi parti 11 Mei ini. Soal sama ada beliau boleh melepasi syarat kelayakan bertanding merebut jawatan hirarki ketiga dalam kepemimpinan Umno itu, sudah tidak relevan.

Ini kerana sehingga kini, Tengku Razaleigh sudah mengumpul 16 pencalonan untuk bertanding Naib Presiden, termasuk tiga pencalonan terbaru dari Pahang - kurang satu bagi melepasi syarat pencalonan 10 peratus atau sokongan 17 daripada 165 bahagian.

Nescaya, secara teknikal, Tengku Razaleigh dilihat tidak menghadapi sebarang halangan lagi untuk melepasi syarat kelayakan itu kerana beliau boleh mendapat baki satu pencalonan penting daripada bahagian Gua Musang yang diketuai beliau sendiri.

Mesyuarat bahagian Gua Musang pada 31 Mac lalu tidak mencalonkan sesiapa bagi semua jawatan tertinggi parti. Sebaliknya, 263 anggota perwakilannya sebulat suara menyerahkan kepada jawatankuasa Umno bahagian itu untuk menentukan pencalonan berkenaan.

Dengan itu sekiranya ada hasrat untuk bertanding jawatan Naib Presiden beliau tidak perlu menunggu sama ada Umno bahagian Bandar Tun Razak, mencalonkannya atau tidak bagi jawatan itu kerana kebetulan satu pencalonan lagi yang diperlukannya sudah boleh diberikan oleh bahagiannya sendiri.

Timbalan Ketua Umno bahagian Gua Musang, Mohd Saufi Deraman ketika dihubungi kelmarin berkata, tarikh mesyuarat jawatankuasa bahagian bagi menentukan pencalonan itu belum ditetapkan.

Ditanya sama ada bahagian itu akan mencalonkan Tengku Razaleigh untuk bertanding Naib Presiden bagi membolehkannya melepasi syarat kelayakan, beliau berkata: "Kita akan bincang mengenainya, tetapi jika Ku Li memberi `lampu hijau', kita akan mencalonkannya".

Berdasarkan senario terbaru itu, keputusan kini sememangnya terletak di tangan Tengku Razaleigh sendiri.

Bagaimanapun, keputusan mengenai pencalonannya itu hendaklah dibuat minggu ini berdasarkan keputusan ibu pejabat Umno menetapkan semua calon yang hendak bertanding perlu menerima pencalonan selewatnya Ahad ini.

Seorang ketua bahagian di Kelantan berkata, Tengku Razaleigh boleh meraih undi simpati dalam perebutan jawatan Naib Presiden nanti tetapi ia juga bergantung kepada pendiriannya sendiri.

"Mulai sekarang, Ku Li perlu berhati-hati dengan sebarang kenyataan yang bakal dibuatnya. Orang Melayu begitu sensitif tetapi mudah bersimpati terhadap seseorang yang merendahkan diri atau tersepit oleh keadaan," katanya.

Dalam perebutan jawatan Naib Presiden berdasarkan jumlah pencalonan, Menteri Pertahanan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman kelihatan mendahului calon-calon lain. Tetapi calon ketiga nampaknya agak terbuka. Antara favourite untuk meraih tempat ketiga ialah Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri di

Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Rais Yatim.

"Tetapi penyertaan Ku Li boleh mencuri undi simpati daripada perwakilan dan slot ketiga itu dijangka menjadi rebutan di antara Syed Hamid, Dr Rais dan Ku Li," kata seorang pemerhati yang percaya perwakilan akan hanya memilih seorang wakil Menteri Besar/Ketua Menteri.

Seorang pensyarah sains politik di sebuah institusi pengajian tinggi tempatan berkata, Tengku Razaleigh boleh mencongak masa depan politiknya setelah memenangi jawatan Naib Presiden itu nanti.

"Bukan mudah baginya sekarang untuk terus bertanding jawatan tertinggi parti setelah berada hampir sedekad di luar Umno dan ini terbukti apabila beliau gagal memperolehi jumlah pencalonan yang dihormati," katanya.

Bagaimanapun, pemerhati berkata kedudukan sama ada Tengku Razaleigh bertanding jawatan Naib Presiden kali ini berbeza dengan keadaan ketika beliau dicalonkan oleh bahagian Tanah Merah untuk jawatan Presiden dan bersama dengan bahagian Pasir Mas, mencalonkannya pula bagi jawatan Timbalan Presiden.

"Ketika itu, Ku Li seperti serba salah. Andainya, beliau mengumumkan kesediaan untuk bertanding salah satu daripada dua jawatan tertinggi tetapi kemudian, didapati pencalonannya tidak melepasi syarat kelayakan... akan menjejaskan kredibilitinya. Sebab itu Ku Li cuma berupaya mendiamkan diri sebelum ini. Ku Li juga boleh dianggap membelakangi nasihat Majlis Tertinggi (MT) yang mahu dua jawatan tertinggi tidak dicabar jika beliau menyatakan hasrat merebut salah satu jawatan itu.

"Kali ini (untuk naib presiden) lain kerana soal melepasi syarat kelayakan, bagaikan sudah tidak timbul lagi. Soalnya sama ada Ku Li mahu bertanding atau tidak. Ku Li boleh mendakwa yang beliau memang dari awal tidak berhasrat mencabar Dr Mahathir atau Abdullah tetapi bersedia menurut kehendak ahli untuk bertanding Naib Presiden dan situasi ini boleh dianggap menarik benang dalam tepung, benang tidak putus dan tepung tidak berselerak... maka mudah bagi Ku Li meraih undi simpati," katanya.

Tetapi seorang ketua Umno bahagian di ibu negara berkata, Tengku Razaleigh 'ingin memeluk gunung tetapi tangan tak sampai' kerana kenyataannya pada minggu pertama setelah mesyuarat Umno bahagian bermula di seluruh negara awal bulan lalu jelas membayangkan hasratnya untuk bertanding jawatan tertinggi parti atas alasan 'tidak mahu lari daripada tanggungjawab terhadap Umno jika itu kehendak pemimpin bawahan'.

Kemudian pada 24 Mac lalu, katanya, Tengku Razaleigh mengumumkan hasrat tidak bertanding jawatan tertinggi parti tetapi hanya selepas melihat aliran pencalonan yang lebih memihak kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi. Selang beberapa hari kemudian keduanya memenangi jawatan Presiden dan Timbalan Presiden tanpa bertanding apabila pencalonan mereka telah mencecah 70 dan 80 peratus daripada jumlah 165 bahagian.

Pencaturan politiknya itu bijak kata ketua bahagian itu, tetapi hakikatnya Tengku Razaleigh kini mungkin sedar bahawa lesennya untuk naik lebih tinggi seharusnya bermula pada peringkat Naib Presiden meskipun jawatan itu pernah disandangnya bersama Tun Ghafar Baba dan Dr Mahathir pada 1978.

Apapun, keputusan muktamad terletak di tangan perwakilan nanti untuk menentukan nasib mereka yang menawarkan diri bertanding naib presiden.

(END)